

Jadikan kejayaan usahawan sebagai sumber inspirasi

UNIT Agropreneur Muda yang dianggotai 10 ahli majlis perunding menjadi satu lagi platform kepada generasi muda menceburi sektor pertanian. Dengan acuan yang ditentukan oleh golongan belia sendiri, penubuhan unit ini diharapkan dapat menjadi pemudahcara untuk menyelesaikan masalah yang selalu dihadapi usahawan belia tani. Sehubungan itu, *Mingguan Malaysia* berkongsi kisah kejayaan dengan empat usahawan belia yang juga ahli majlis perunding Unit Agropreneur Muda yang pernah menempuh pengalaman getir sebelum berjaya mencapai kedudukannya hari ini.



RUMPAI laut mempunyai potensi luas dalam pasaran tempatan dan luar negara.

Zainuddin tinggalkan kerjaya di luar negara

“KEJAYAAN bagi saya amat subjektif. Ia tidak boleh dinilai daripada segi duit semata-mata. Jika staf saya beli kereta baharu, bagi saya itu juga satu kejayaan kerana saya telah membantu mereka menikmati kehidupan lebih baik. Begitu juga dengan kejayaan stokis-stokis dan usahawan bimbingan di bawah syarikat kami,” ujar Mohamad Zainuddin Pangat, 38.

Bagi Pengurus Pembangunan dan Hal Ehwal Korporat Wan Malinja Food Industries Sdn. Bhd. ini, mereka mahu melahirkan lebih ramai usahawan baharu melalui bantuan bimbingan dan rangkaian stokis di seluruh negara.

Menurutnya, syarikat mereka telah melaksanakan pendekatan seperti penubuhan Unit Agropreneur Muda sejak lima tahun lalu untuk melatih usahawan-usahawan yang berminat dalam perniagaan kebab.

Beliau menguruskan perniagaan tersebut bersama-sama pengasasnya, Zurawan Surip yang memulakan perniagaan tersebut pada tahun 1998.

Bagi tahun kewangan 2012, Wan Malinja Food Industries Sdn. Bhd. mencatat keuntungan berjumlah RM10 juta. Produk keluaran syarikat mereka juga banyak dibekalkan dalam rangkaian Aeon Jusco, Mydin, Carrefour, Resort World Genting dan LSG Sky Chefs Brahim.

“Saya semakin serius menceburi sektor pemrosesan makanan ini setelah mengambil keputusan untuk pulang ke negara sendiri setelah sekian lama bertugas di Qatar dan Singapura,” katanya yang mempunyai kelulusan dalam bidang kimia petroleum.



WAN Malinja Food Industries Sdn. Bhd. menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam rangkaian perniagaan kebab.

Kegagalan sumber kekuatan Azwan

T A M A T pengajian dengan menggenggam ijazah dalam bidang kejuruteraan mekanikal dari Institut Teknologi Mara (sekarang Universiti Teknologi



AZWAN DATUK MAT YASIR

Mara) bukan tiket yang mudah untuk mendapatkan pekerjaan.

Apatah lagi ketika itu, berlakunya krisis ekonomi hingga mengakibatkan masalah pengangguran meningkat dalam kalangan siswazah.

Perkara ini turut ditempuh oleh Azwan Datuk Mat Yasir, 34, hingga memaksanya memilih bidang lain sebagai punca pendapatan.

Namun, semua percubaannya menceburi bidang pertanian menemui kegagalan. Resah memikirkan tentang masa depan, akhirnya Azwan menjinak-jinakkan diri dengan ternakan ayam atas nasihat bapanya.

“Itulah pengalaman yang saya lalui 10 tahun lalu, sebelum dapat mencari tapak yang kukuh dan bersesuaian dalam perniagaan.

“Malah, sehingga ke hari ini pun, pengusaha ternakan ayam seperti saya masih berdepan dengan pelbagai cabaran terutama penyakit selsema burung atau harga ayam jatuh mendadak dalam pasaran.

“Tetapi semua ini kita perlu lalui dan jadikannya sebagai pengajaran terbaik,” ujarnya yang menjalankan ternakan ayam di Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor.

Dengan bertatih dari bawah, kini ternakan ayamnya mampu mencecah sehingga 50,000 ekor bagi satu musim.

Wan Adilah tekad ceburi keusahawanan

PEMEGANG Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa dan Linguistik ini turut tidak terlepas berdepan masalah pengangguran setelah tamat pengajian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2002.

Tidak mahu terus mengharap kerja makan gaji, Wan Adilah Wan Awang, 36, mengambil keputusan menjual pokok bunga secara kecil-kecilan.

“Dalam tempoh dua bulan, saya sudah membuka nurseri dan mula mendapatkan kontrak membekalkan pokok bunga ke sekolah-sekolah dan beberapa agensi lain,” katanya.

Beliau kemudiannya memberanikan diri menceburi diri dalam ternakan ikan sangkar menerusi bimbingan Jabatan Perikanan.

“Alhamdulillah, pendapatan saya amat memberangsangkan hasil daripada ternakan ikan dan projek nurseri yang masih berjalan sehingga hari ini,” katanya yang berasal dari Terengganu.

Beliau berharap warga belia yang lain dapat menjadikan contoh kejayaan usahawan-usahawan di tempat mereka sebagai sumber inspirasi kerana bukan mudah untuk menceburi bidang pertanian.



WAN ADILAH WAN AWANG

Dari penyelidik kepada pengusaha

POTENSI rumpai laut dalam pasaran tempatan masih banyak belum diceburi oleh usahawan terutama industri hiliran iaitu pemrosesan, kosmetik, makanan dan perubatan.

Bagi pasaran luar negara pula permintaan dunia terhadap rumpai laut sangat tinggi. Bekalan terhadap permintaan dunia hanya 60 peratus dapat dipenuhi sedangkan dunia masih memerlukan 40 peratus bekalan setiap tahun. Perkembangan industri berasaskan rumpai laut dunia pula berkembang tujuh peratus setahun.

Melihat kepada situasi ini, Ramlan Ali, 38, mengambil keputusan membangunkan industri rumpai laut sejak 14 tahun lalu.

“Pada mulanya, saya terlibat dalam industri ini sebagai penyelidik dan banyak melibatkan diri dengan program di bawah Jabatan Perikanan. Tetapi setelah menyedari potensinya yang meluas, saya terus mencuba dan alhamdulillah, ia membuahkan hasil,” katanya yang berasal dari Sabah.

Beliau berharap kejayaannya dapat memberi sumber inspirasi kepada belia untuk menceburi perusahaan rumpai laut.

“Sesuatu yang menarik dalam industri ini banyak usahawan belia boleh dilahirkan kerana industri rumpai laut mempunyai skop perniagaan yang sangat luas boleh diceburi oleh usahawan belia seperti industri makanan, minuman, kosmetik, perubatan dan pembuatan,” katanya.

Ramlan berkata, penubuhan Unit Agropreneur Muda ini amat sesuai pada masanya memandangkan kerajaan memberi peluang kepada golongan belia untuk melibatkan diri dalam industri pertanian secara langsung dengan acuan dan konsep perniagaan yang dibangunkan oleh golongan belia sendiri.

“Pastinya program ini akan memberi kesan positif kepada industri pertanian negara kerana golongan belia adalah generasi penerus hala tuju pertanian negara. Platform ini akan menjadi landasan kerajaan melahirkan lebih ramai usahawan tani negara pada masa hadapan,” katanya.



RAMLAN ALI